

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

PUAN TEO NIE CHING

[KULAI-DAP]

TARIKH

15 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN (NO. 43)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada tindakan akan diambil terhadap PESAKA atas penglibatan mereka dalam Perhimpunan Rakyat Bersatu.

SULIT

1

SULIT

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menghantar surat memohon penjelasan kepada PESAKA dan telah menerima jawapan berhubung insiden yang telah berlaku. Melalui semakan dan hasil perjumpaan bersama PESAKA, KBS mendapati permit penganjuran perhimpunan itu telah di mohon atas nama individu dan bukannya PESAKA. Sehubungan itu, tiada tindakan yang akan diambil ke atas PESAKA.
2. Secara dasarnya, PESAKA yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan adalah badan sukan yang hanya menganjurkan aktiviti silat olahraga sahaja. Walau bagaimanapun, badan - badan gabungan (pendiri) di bawah PESAKA yang menjalankan aktiviti sosial dan kebajikan adalah berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA. PENGGAL KEEMPAT.

PARLIMEN KETIGA BELAS.

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM

[BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH 15 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN

Dato' Seri Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **Perdana Menteri** menyatakan bilangan laporan siasatan kes yang diserahkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Poiis Diraja Malaysia (PDRM) kepada Jabatan Peguam Negara untuk maksud pertuduhan antara 2013-2015 serta perincian mengenai kes yang ditutup tanpa pertuduhan.